

# **Universiti Dublin kagum konsep amali di KUTKM**

**Archival News | Berita Harian | 03/04/2003**

PEMBELAJARAN di Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) berdasarkan konsep hands-on, mendapat perhatian beberapa universiti di Dublin, Ireland.

Pengarah Dasar, Jabatan Pendidikan dan Sains Ireland, Tom Boland, berkata sistem pendidikan secara hands-on yang dilaksanakan KUTKM adalah langkah berkesan kerana memberi peluang kepada pelajar menimba lebih banyak pengalaman.

Katanya, konsep sama sebenarnya sudah lama diamalkan di beberapa negara Eropah dan kualiti siswazah yang dihasilkan universiti di sana, memang tidak boleh dipertikaikan.

Beliau menjelaskan, melalui sistem pendidikan yang bercirikan hands-on, pelajar lebih berpeluang mempraktikkan segala teori yang dipelajari, sekali gus menjadikan mereka lebih mahir berbanding sistem yang tidak berdasarkan konsep itu.

"Serentak itu, kerajaan Ireland berminat mengadakan kerjasama dengan KUTKM, terutama dalam bidang kejuruteraan dan komunikasi teknologi maklumat supaya dapat berkongsi pengalaman," katanya ketika mengadakan lawatan ke KUTKM di Melaka, kelmarin.

Hadir sama wakil Pusat Pendidikan dan Teknologi Universiti Dublin, Jerome Morrissey dan Setiausaha Pertama Kedutaan Ireland di Malaysia, Damien Boyle.

Dalam lawatan itu, mereka mengadakan pertemuan dengan Rektor KUTKM, Prof Datuk Dr Mohd Ruddin Ab Ghani dan Timbalan Rektor (Bahagian Pembangunan dan Perancangan Korporat), Prof Dr Azhari Saleh.

Sementara itu, Azhari berkata, pada dasarnya KUTKM bercadang mengadakan lawatan kerja ke Ireland untuk meninjau pelbagai peluang pendidikan di negara itu.

(END) Source : Berita Harian